

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 5/10/2011 |

'Janji apa saja asal boleh rnenang'

Belanjawan pakatan pembangkang tak realistik

Oleh Faiza Zainudin,
Norakmah Mat Youb
dan Shahrizan Salian
bhnews@bharian.com.my


KUALA LUMPUR:

Pembentangan Belanjawan 2012 oleh pakatan pembangkang tidak memberi gambaran sebenar keupayaannya untuk menguruskan perbelanjaan negara, kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Senang mahu belanja duit yang kita tidak ada. Kita boleh buat apa pun, contohnya janji mahu bagi 20 peratus royalti minyak. Memang boleh janji sebab tak jadi kerajaan. Janji apa saja, asalkan boleh menang (pilihan raya).

"Ia situasi biasa, malah Presiden (Barack) Obama berjanji untuk menutup Guantanamo Bay, namun sampai sekarang pusat itu tidak ditutup. Beliau kemudian memenangi pilihan raya dan dipilih menjadi Presiden," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) kelapan di sini, semalam.

Beliau mengulas Belanjawan Alternatif Pakatan Pembangkang 2012 yang mahu memperuntukkan subsidi sehingga RM22 bilion dan RM5.9 bilion lagi bagi ke-



naikan gaji 1.3 juta kakitangan awam atas alasan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Ia dikatakan sebagai belanjawan alternatif pakatan pembangkang sebelum Belanjawan 2012 dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Pakar ekonomi yang juga Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Tan Sri Sulaiman Mahbob, berkata belanjawan alternatif itu tidak realistik

kerana ia menyebabkan negara terpaksa meminjam atau mengurangkan perbelanjaan bidang lain bagi menampung pemberian subsidi yang tinggi.

Keadaan itu, jelas beliau, akan memberi kesan berpanjangan termasuk kepada generasi yang belum lahir pada hari ini.

"Kalau pakatan pembangkang hendak laksana (belanjawan alternatif), mana nak cari sumber kewangan, pinjam atau mengurangkan belanja bidang lain untuk menampung subsidi?" katanya.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mohd Zaini Abdul Karim berkata, belanjawan alternatif itu perlu dilakukan dengan realistik bukan untuk meraih sokongan rakyat.

"Bagaimana mereka mampu memberi jaminan dapat menguruskan perbelanjaan belanjawan yang dibentangkan itu dengan baik dan bukan hanya indah khabar daripada rupa," katanya.

Penganalisis ekonomi, Prof Dr Barjoiyai Bardai, berkata sekiranya pemimpin parti pembangkang tidak dapat menguruskan kewangan seperti dirancang, ia menyebabkan negara mengalami defisit yang teruk.